



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



**PENDEKATAN HEUTAGOGI DALAM PEMBELAJARAN
BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH**

*THE HEUTAGOGICAL APPROACH IN MALAY LANGUAGE LEARNING AT THE
PRIMARY SCHOOL LEVEL*

Nor Zahid Musa^{1*}, Zamri Mahamod²

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: p134254@siswa.ukm.edu.my

² Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: d-zam@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 19.06.2025

Revised date: 15.07.2025

Accepted date: 25.08.2025

Published date: 19.09.2025

To cite this document:

Musa, N. Z., & Mahamod, Z. (2025). Pendekatan Heutagogi Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (59), 976-990.

DOI: 10.35631/IJEPC.1059070

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini bertujuan menilai tahap pelaksanaan pendekatan heutagogi dalam pembelajaran sendiri Bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun 6 sekolah rendah. Seramai 352 orang murid dari 32 sekolah kebangsaan di Hulu Selangor telah dipilih sebagai sampel menggunakan kaedah tinjauan melalui soal selidik. Instrumen soal selidik terdiri daripada 3 bahagian dan 17 item yang merangkumi demografi, enam elemen heutagogi: penerokaan, penciptaan, kolaborasi, perkongsian, refleksi dan perhubungan serta satu bahagian yang menilai tahap efikasi sendiri murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu secara sendiri. Dapatan menunjukkan bahawa 82.4% murid aktif melaksanakan pembelajaran berasaskan prinsip heutagogi. Elemen penerokaan dan penciptaan mencatat min tinggi (0.74–0.90), menandakan pelibatan dalam pembelajaran sendiri dan kreativiti murid yang memberangsangkan. Elemen refleksi, perkongsian dan perhubungan juga mencatat tahap pelaksanaan tinggi, namun kolaborasi selepas waktu sekolah masih rendah (min = 0.39). Dalam aspek efikasi sendiri, murid menunjukkan kecekalan dan keyakinan tinggi (min = 0.92–0.94), tetapi hampir separuh masih memerlukan bimbingan guru pada peringkat awal pembelajaran sendiri (min = 0.50). Pendekatan heutagogi berupaya dilaksanakan seawal peringkat sekolah rendah, terutamanya dalam memperkasa kemahiran pembelajaran abad ke-21 seperti amalan refleksi murid, kreativiti dan literasi digital. Walau bagaimanapun, kejayaan pendekatan ini memerlukan bimbingan guru, akses teknologi dan sokongan ekosistem pembelajaran yang kukuh. Kajian mencadangkan pembangunan modul digital interaktif, latihan profesional kepada guru sebagai

fasilitator, dan kerjasama strategik antara sekolah dan keluarga bagi memperkukuh budaya pembelajaran sendiri dalam pendidikan rendah.

Kata Kunci:

Heutagogi, Pembelajaran Kendiri, Bahasa Melayu, Efikasi Kendiri

Abstract:

This study aimed to evaluate the implementation of the heutagogical approach in self-directed Malay language learning among Year 6 primary school students. A total of 352 students from 32 national schools in Hulu Selangor participated through a survey design. A 17-item dichotomous questionnaire was used to assess six key elements of heutagogy—exploration, creation, collaboration, sharing, reflection, and connectivity—as well as a self-efficacy scale. Findings revealed that 82.4% of students actively engaged in learning activities aligned with heutagogical principles. Exploration and creation recorded high means (0.74–0.90), indicating strong self-initiative and creativity. Reflection, sharing, and digital connectivity also showed high engagement, while after-school collaboration remained low (mean = 0.39). In terms of self-efficacy, students demonstrated high levels of perseverance and confidence (mean = 0.92–0.94), although nearly half still required initial teacher guidance (mean = 0.50). In conclusion, heutagogy can be feasibly implemented at the primary level, especially to cultivate 21st-century learning skills such as metacognition, creativity, and digital literacy. However, its success depends on effective teacher facilitation, technological access, and supportive learning environments. This study recommends the development of interactive digital modules, continuous teacher training as facilitators, and strengthened school-family collaboration to enhance the culture of self-directed learning in primary education.

Keywords:

Heutagogy, Self-Directed Learning, Malay Language, Self-Efficacy

Pengenalan

Di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menterjemahkan aspirasi global melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang menekankan transformasi menyeluruh sistem pendidikan negara dengan memberi tumpuan kepada akses, kualiti, ekuiti, perpaduan, dan kecekapan. PPPM turut menekankan keperluan melahirkan murid yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tetapi juga mempunyai kemahiran insaniah, berfikir aras tinggi, dan bersedia menghadapi cabaran abad ke-21. Sehubungan itu, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) diperkenalkan bagi memastikan murid dilengkapi dengan kemahiran komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis, kreativiti, serta celik teknologi yang relevan dengan keperluan semasa dan masa depan. Dalam konteks ini, pelaksanaan pendekatan pembelajaran dan pengajaran yang baharu dituntut bagi memenuhi segala aspirasi KPM dalam merevolusikan sistem pendidikan. Sistem pendidikan moden turut menjangkakan pelajar masa kini memiliki tahap autonomi yang lebih tinggi dan menunjukkan inisiatif sendiri dalam proses pembelajaran, memeriksa dan menguruskan bahan pembelajaran serta memahami kandungan pembelajaran secara sendiri (Noor Muslieah Kamal et al., 2022). Seiring dengan itu, pelbagai pendekatan pembelajaran

baharu diperkenalkan bagi melengkapi perubahan dan kehendak pelajar masa kini untuk meneroka ilmu. Pelajar pada pelbagai peringkat umur juga cenderung untuk memiliki kebebasan dalam meneroka ilmu serta mempunyai keinginan sendiri untuk menentukan stail pembelajaran yang bersesuaian dengan diri mereka.

Sehubungan dengan itu, KPM menggalakkan pembelajaran sendiri sebagai salah satu strategi pembelajaran berpusatkan murid mengikut kebolehan dan keupayaan murid itu sendiri (KPM, 2002). Dalam menyahut saranan kementerian tersebut, pendekatan heutagogi dikatakan paling relevan dalam memastikan murid berupaya belajar secara sendiri. Pendekatan heutagogi merupakan satu pendekatan yang menekankan pembelajaran sendiri sepenuhnya serta memerlukan murid sebagai ejen aktif dalam proses pembelajaran. Kini, pendekatan heutagogi semakin diangkat sebagai salah satu strategi berimpak tinggi yang selari dengan matlamat PPPM 2013-2025 serta memenuhi keperluan PAK-21 di Malaysia (KPM, 2013; Noor Musliehah Mohd Noor et al., 2023). Dalam konteks sekolah rendah, integrasi heutagogi dalam KSSR membolehkan murid meneroka minat masing-masing melalui aktiviti kajian kes, pembelajaran berasaskan masalah, portfolio digital dan penggunaan teknologi terkini seperti kecerdasan buatan (AI) serta aplikasi-aplikasi pembelajaran interaktif. (Lee et al., 2024). Pendekatan heutagogi ini bukan sahaja menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi, kreativiti dan literasi digital dalam kalangan murid sekolah rendah, malahan berupaya membentuk murid yang lebih reflektif, inovatif dan bersedia menjadi pelajar sepanjang hayat.

Dapatan oleh Narayan (2019) menunjukkan bahawa murid yang terdedah kepada pendekatan heutagogi lebih mudah untuk menyesuaikan diri dengan perubahan, lebih yakin untuk mengambil risiko dan menghadapi cabaran dalam pembelajaran serta mampu menunjukkan kebolehan menyelesaikan masalah secara kreatif. Kesenambungan dan perkaitan antara matlamat PPPM 2013-2025, keperluan dan cabaran PAK-21 serta prinsip-prinsip heutagogi mampu menjadikan sistem pendidikan di Malaysia lebih berdaya saing dan berupaya untuk menghasilkan satu generasi murid yang kalis cabaran, pelajar seumur hidup yang berdikari dan mampu mencipta nilai sendiri dalam dunia masa hadapan.

Tinjauan Literatur

Pendekatan heutagogi merupakan salah satu strategi pembelajaran sendiri yang terdapat di Malaysia. Heutagogi diasaskan oleh Hase & Kenyon (2000) yang merujuk kepada *self-determined learning* (SDL) ataupun pembelajaran sendiri. Pendekatan heutagogy memberikan pelajar diberikan kuasa atau autonomi penuh untuk menentukan objektif, kandungan, kaedah serta penilaian pembelajaran secara sendiri. Heutagogi berbeza dengan pedagogi dan andragogi. Melalui heutagogi, murid bertanggungjawab untuk mengurus, membuat refleksi serta menilai proses pembelajaran manakala guru lebih berperanan sebagai pemudah cara atau berfungsi sebagai fasilitator (Hase & Kenyon, 2000; Blaschke, 2012). Heutagogi mendatangkan satu konsep pembelajaran berlainan kerana mengamalkan proses pembelajaran tidak linear (*double-loop learning*) berbanding pengajaran dan pembelajaran konvensional yang lebih linear yang juga melahirkan satu generasi modal insan yang tidak dapat bersaing dalam kepesatan industri era IR 4.0. KPM, (2013) turut menekankan pembelajaran berpusatkan murid dalam pembentukan kurikulum dan perkara ini selari dengan prinsip asas heutagogi.

Pendekatan heutagogi menjadikan murid mempunyai masa yang lebih untuk meneroka ilmu dan murid akan terlibat secara aktif dalam setiap aktiviti pembelajaran yang dianjurkan (Nor Musliehah Kamal, et al., 2022). Konsep heutagogi yang menjadikan murid sebagai fokus utama

menyebabkan murid mempunyai keyakinan diri, bebas dan lebih seronok untuk meneroka ilmu. Moore (2020) menyatakan kebebasan yang diperoleh murid dalam menentukan teknik dan kandungan yang ingin dipelajari dapat memupuk motivasi intrinsik serta meningkatkan tahap efikasi sendiri murid. Perkara ini turut disokong oleh Abraham dan Ramnarayan, (2016) yang menyatakan bahawa pengaplikasian heutagogi dapat meningkatkan pelibatan, motivasi serta hasil pembelajaran murid. Hase dan Kenyon (2013) menjelaskan bahawa sesi pengajaran dan pembelajaran menggunakan pendekatan heutagogi dapat dilaksanakan apabila murid dilibatkan bersama dalam mereka bentuk isi dan proses pembelajaran, penilaian pembelajaran yang fleksibel, pembelajaran yang aktif dan kolaboratif, menggalakkan penerokaan dengan pelbagai sumber pelajaran serta mengurangkan kawalan semasa sesi pembelajaran.

Justeru itu, murid seawal usia sekolah rendah perlu diberi kepercayaan dan keyakinan untuk mengurus sendiri pembelajaran mereka. Penerapan heutagogi dalam konteks pendidikan rendah memerlukan murid-murid belajar secara sendiri dan tidak terikat pada kaedah pengajaran tradisional yang lebih cenderung membentuk pembelajaran yang lebih pasif (Ziatdinov & Cilliers, 2022). Murid-murid sekolah rendah kini yang terdiri daripada Generasi Alfa perlu diubah corak pembelajarannya. Mujiyati (2025) menyatakan bahawa karakter generasi Alfa yang dipengaruhi dengan teknologi dan alat digital, memerlukan mereka belajar dengan cara yang berlainan dengan sebelum ini. Yasir dan Susilawati (2021) pula menjelaskan, perwatakan unik generasi Alfa memerlukan satu pendekatan pendidikan yang fleksibel dan responsif dan lebih bebas. Melalui pengintegrasian teknologi, murid-murid yang tergolong dalam generasi Alfa mampu mengatur waktu dan cara belajar sendiri yang paling sesuai serta berkesan untuk diri sendiri.

Di Malaysia, pendekatan heutagogi kurang dilihat dan diaplikasikan dalam kalangan murid sekolah rendah dan khususnya pembelajaran Bahasa Melayu meskipun beberapa kajian telah menunjukkan murid-murid di Malaysia bersedia untuk beradaptasi dalam perubahan pendidikan. Pandemik COVID-19 yang melanda telah menjadikan murid dan warga pendidikan di Malaysia bersedia dan boleh beradaptasi dengan perubahan dalam dunia pendidikan (Mohd Shahrul Nizam et al., 2022; Amini et al., 2024). Pemahaman pelaksanaan heutagogi dari segi pemahaman guru-guru juga telah dikaji oleh pengkaji terdahulu dan menunjukkan guru-guru sebenarnya sudah menerapkan ciri-ciri heutagogi dalam pengajaran (Preece & Hameed, 2020; Wong et al., 2019; Chan et al., 2019). Pemahaman yang sebenar berkaitan heutagogi dalam kalangan guru dapat memastikan pembelajaran menggunakan pendekatan heutagogi dapat dilaksanakan dengan optimum di sekolah. Oleh yang demikian, heutagogi secara amnya telah boleh dilaksanakan di sekolah berikutan kesediaan dan pemahaman guru terhadap pendekatan tersebut.


Beberapa kajian tentang heutagogi dan kaitannya dengan pembelajaran jarak jauh (*M-Learning*) telah banyak dijalankan dalam kalangan pelajar institusi pendidikan tinggi dan pelajar sekolah menengah dan dapatan menunjukkan impak yang positif dalam hasil pembelajaran mereka (Nurul Ain & Shahabudin Hashim, 2023; Nurul Aisyah Kamarozzaman et al., 2019; Nor Muslieah, et al., 2021). Kajian-kajian ini melibatkan pelajar yang agak berusia berikutan terdapat kajian yang menyatakan murid-murid sekolah rendah belum bersedia untuk belajar secara sendiri menggunakan pendekatan heutagogi. Ramas et al. (2023) menyatakan bahawa pelajar yang lebih muda menunjukkan keterbatasan dalam menyesuaikan pendekatan ini seperti faktor-faktor persekitaran dan konteks yang diperlukan dalam membentuk pelajar menentukan kaedah pembelajaran sendiri yang kebiasaannya berada di luar kapasiti

perkembangan mereka. Blaschke (2012) turut menyatakan bahawa heutagogi secara khususnya lebih sesuai kepada pelajar yang lebih dewasa di mana pelajar memerlukan autonomi dan tanggungjawab serta kemampuan yang kebiasaannya belum berkembang sepenuhnya pada pelajar yang lebih muda. Namun demikian, kajian kualitatif yang dijalankan Siti Rahaimah Ali et al. (2019) menunjukkan murid Tahun 4 berjaya memahami pelajaran Matematik serta mengenal pasti kesilapan mereka melalui pembelajaran sendiri. Perkara ini menunjukkan bahawa murid-murid sekolah rendah juga berupaya untuk menggunakan pendekatan heutagogi ini sekiranya diberikan bimbingan dan peluang. Justeru itu, satu kajian empirikal dan terkini yang melibatkan lebih ramai responden diperlukan bagi melihat sejauh mana tahap pelaksanaan murid-murid sekolah rendah di Malaysia berupaya untuk belajar secara sendiri menggunakan pendekatan heutagogi dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Metodologi

Kajian ini menggunakan penyelidikan secara kuantitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Reka bentuk ini dipilih kerana ia membolehkan pengumpulan data dalam skala yang besar serta membolehkan analisis statistik dijalankan untuk mengenal pasti hubungan dan tahap pelaksanaan sesuatu fenomena secara menyeluruh (Eyisi Daniel, 2016). Kajian ini menggunakan instrumen kajian berbentuk soal selidik yang diadaptasi daripada kajian Nur Aisyah et al. (2019). Item soal selidik tersebut terbahagi kepada tiga bahagian iaitu A, B dan C. Bahagian A merujuk kepada demografi responden, Bahagian B, tahap pelaksanaan pembelajaran sendiri menurut elemen heutagogi dan Bahagian C merujuk kepada tahap efikasi sendiri murid semasa belajar secara sendiri. Item tersebut diolah secara berstruktur kepada 17 item berbentuk dikotomi dan laras bahasa yang mudah dan jelas supaya mudah difahami oleh murid sekolah rendah Tahun 6. Soalan berbentuk dikotomi dipilih untuk membolehkan pengkaji mendapatkan maklum balas cepat mengenai pemahaman dan pendapat murid terhadap topik tertentu, memberikan gambaran jelas tentang sikap dan emosi responden (Ng et al, 2023). Item-item soal selidik telah disemak oleh tiga orang pakar dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu dan turut diuji nilai kebolehpercayaannya melalui Kuder-Richardson 20 (KR-20). Dalam kajian ini, kaedah pensampelan bertujuan digunakan iaitu pelajar sekolah rendah Tahun 6 yang sedang mengikuti pembelajaran Bahasa Melayu secara formal di sekolah kebangsaan.

Kajian ini melibatkan seramai 352 orang responden daripada 3516 orang murid Tahun 6 di 32 buah sekolah kebangsaan di daerah Hulu Selangor. Jumlah sampel ditentukan berdasarkan Jadual Krejcie & Morgan (1970) dalam Memon et al. (2020) yang memerlukan sejumlah 346 sampel sekiranya jumlah populasi ialah 3500. Selanjutnya data dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences 29.0* (SPSS 29.0). Data kekerapan, peratusan dan min digunakan bagi melihat interpretasi dapatan daripada soal selidik. Proses pengumpulan data dapat dilihat butirannya seperti Rajah 1.1.



Rajah 1.1 : Proses Pengumpulan Dan Penganalisan Data Kajian

Dapatan Kajian

Analisis Deskriptif Demografi Kajian

Jadual 1 : Demografi Responden Kajian

Demografi	Kategori	Frekuensi (Orang)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	164	46.6
	Perempuan	188	53.4
Kaum	Melayu	298	84.7
	India	46	13.1
	Lain-lain	8	2.3
Tahap Penguasaan BM Tahun 5	TP 3	15	4.3
	TP 4	92	26.1
	TP 5	157	44.6
	TP 6	88	25.0

Laporan demografi responden dipaparkan dalam jadual di atas. Jadual 1 menunjukkan maklumat demografi 352 peserta kajian berdasarkan jantina, kaum dan tahap penguasaan Bahasa Melayu semasa Tahun 5. Peserta kajian terdiri daripada 164 (46.6%) orang pelajar lelaki dan 188 (53.4%) orang pelajar perempuan. Angka perbezaan yang tidak begitu ketara menunjukkan bahawa rata-rata pelajar Tahun 6 berupaya untuk menjawab soal selidik. Dari segi pecahan kaum, kaum Melayu mencatatkan bilangan sebanyak 298 (84.7%) orang, diikuti kaum India, 46 (13.1%) orang dan dari pelbagai kaum iaitu sebanyak 8 (2.3%) orang.

Selain itu, analisis demografi menunjukkan tahap penguasaan (TP) Bahasa Melayu pelajar pada Tahun 5 mempunyai kepelbagaian tahap. Dalam kajian ini, sebanyak 15 orang (4.3%) murid memperoleh TP 3 dalam Bahasa Melayu pada Tahun 5, diikuti TP 4 sebanyak 92 orang (26.1%), TP 5, 157 orang (44.6%) orang dan TP 6 berjumlah 88 orang (25%). Sehubungan dengan itu, semua sampel kajian ini terdiri daripada semua pelajar yang telah menguasai

kemahiran Bahasa Melayu dengan baik dan cemerlang. Semua sampel berupaya membaca dan memahami maksud soal selidik dengan baik berdasarkan tahap penguasaan masing-masing dalam subjek Bahasa Melayu. Dari segi bilangan kaum, kaum Melayu merupakan peratusan tertinggi dalam kajian ini dengan bilangan seramai 298 orang (84.7%), diikuti dengan kaum India, 46 orang (13.1) dan lain-lain kaum dengan jumlah sebanyak 8 orang (2.3%). Kebanyakan sampel merupakan pelajar daripada kaum Melayu memandangkan kajian ini dijalankan dalam kalangan sekolah kebangsaan sahaja.

Tahap Pembelajaran Kendiri mengikut Elemen Heutagogi Pelajar Tahun 6 Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu

Jadual 1.2 menunjukkan analisis dapatan bagi 12 item soal selidik yang dibahagikan kepada enam elemen dalam pendekatan heutagogy, iaitu meneroka, mencipta, kolaborasi, berkongsi, refleksi dan berhubung. Dapatan yang berkaitan dengan tahap pelaksanaan pembelajaran sendiri mengikut elemen heutagogi telah disusun dalam jadual berikut.

Jadual 1.2 : Tahap Pelaksanaan Pembelajaran Kendiri Berdasarkan Elemen Heutagogi

Bil	Item	Ya (Peratus%)	Tidak (Peratus%)	Min	Interpretasi
Meneroka					
1	Saya mencari maklumat sendiri untuk faham sesuatu tajuk Bahasa Melayu.	74.1 261	25.9 91	0.74	Tinggi
2	Saya suka membaca bahan tambahan tentang Bahasa Melayu seperti buku cerita, majalah, surat khabar atau artikel Bahasa Melayu.	84.4 297	15.6 55	0.84	Tinggi
Mencipta					
3	Saya cipta cara sendiri untuk bantu saya faham subjek Bahasa Melayu	80.4 283	19.6 69	0.8	Tinggi
4	Saya suka buat karangan, tulis cerita, puisi dengan idea saya sendiri.	89.8 316	10.2 36	0.9	Tinggi
Kolaborasi					
5	Saya belajar dan berbincang bersama kawan-kawan tentang Bahasa Melayu selepas waktu sekolah.	39.2 138	60.8 214	0.39	Rendah
6	Saya membantu kawan-kawan yang kurang faham dengan pelajaran Bahasa Melayu	84.1 296	15.9 56	0.84	Tinggi
Berkongsi					
7	Saya berkongsi maklumat/pendapat yang saya tahu semasa aktiviti Bahasa Melayu di dalam bilik darjah	80.1 282	19.9 70	0.80	Tinggi
8	Saya suka berkongsi dan tunjuk hasil kerja saya kepada guru dan rakan-rakan sekelas	84.4 297	15.6 55	0.84	Tinggi
Refleksi					
9	Saya boleh ulas semula apa yang saya belajar dalam kelas Bahasa Melayu hari ini	75.9 267	24.1 85	0.76	Tinggi
10	Saya boleh kenal pasti apa kesilapan saya semasa belajar dan cuba baiki kesilapan itu.	86.6 305	13.4 47	0.87	Tinggi
Berhubung					
11		77.6	22.4	0.78	Tinggi

	Saya berhubung bersama rakan-rakan seperti menggunakan media sosial, Internet atau panggilan video, untuk bantu saya belajar Bahasa Melayu.	273	79		
12	Saya berbincang dan bertanya ahli keluarga di rumah untuk membantu saya belajar Bahasa Melayu.	67.9	32.1	0.68	Sederhana
		239	113		

Dapatan daripada analisis data menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, murid sekolah rendah menunjukkan tahap pelaksanaan dan pelibatan yang tinggi dalam pembelajaran secara sendiri berdasarkan prinsip heutagogi dengan purata 82.4% memberikan respons “Ya” berbanding 17.6% memberikan respons “Tidak” terhadap soal selidik yang dijalankan.

Dalam elemen meneroka, 74.1% (n=261) menunjukkan bahawa ramai murid sekolah rendah berupaya untuk mencari maklumat sendiri untuk memahami dan menguasai topik-topik dalam Bahasa Melayu manakala 84.4% (n=297) membaca bahan tambahan secara sendiri untuk meneroka tentang Bahasa Melayu. Dapatan menunjukkan bahawa murid sekolah rendah mempunyai inisiatif sendiri untuk meneroka tentang Bahasa Melayu di luar waktu persekolahan dan pengajaran guru.

Seterusnya, bagi elemen mencipta, 80.4% (n=316) boleh mencipta kaedah sendiri bagi membantu meningkatkan pemahaman terhadap subjek Bahasa Melayu dan 89.8% (n=316) menunjukkan kebolehan yang tinggi untuk menghasilkan karya dalam Bahasa Melayu menggunakan idea ciptaan sendiri. Selari dengan prinsip heutagogi yang menekankan autonomi dan inovasi, dapatan menunjukkan bahawa murid sekolah rendah sudah cenderung untuk menggunakan kreativiti dan inisiatif mereka untuk menghasilkan sesuatu dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Dari sudut elemen kolaborasi, hanya 39.2% (n=138) yang mengadakan sesi perbincangan selepas waktu persekolahan bersama rakan-rakan tentang Bahasa Melayu namun 92.6% (n=296) sedia membantu dan memberikan tunjuk ajar kepada rakan-rakan yang kurang faham tentang Bahasa Melayu sewaktu sesi persekolahan. Perkara ini menggambarkan bahawa meskipun murid cenderung untuk membantu rakan-rakan di dalam bilik darjah, namun elemen kolaborasi secara sendiri kurang diterapkan selepas waktu persekolahan.

Bagi elemen berkongsi, 80.1% (n=282) mampu untuk berkongsi maklumat serta pendapat masing-masing semasa proses pembelajaran Bahasa Melayu di dalam bilik darjah manakala 84.4% (n=297) murid gemar untuk berkongsi dengan menunjukkan hasil kerja kepada rakan-rakan dan guru mata pelajaran. Peratusan yang tinggi menunjukkan bahawa berlakunya amalan perkongsian yang sangat positif dalam kalangan murid sewaktu mempelajari Bahasa Melayu. Elemen refleksi menunjukkan 75.9% (n=267) murid berkebolehan untuk mengulas semula apa yang telah dipelajari dalam subjek Bahasa Melayu di dalam bilik darjah. Sebanyak 86.6% (n=305) murid dapat mengenal pasti kesilapan sendiri dan berusaha untuk memperbaiki kesilapan mereka sendiri. Dapatan menjelaskan bahawa murid sekolah rendah sudah berupaya untuk menilai proses pembelajaran mereka secara sendiri.

Akhir sekali, untuk elemen berhubung, 77.6% (n=273) murid telah berhubung dengan rakan-rakan melalui pelbagai platform untuk mempelajari Bahasa Melayu. Namun begitu, murid sekolah rendah kurang untuk bertanyakan atau berhubung sesama ahli keluarga sendiri untuk belajar Bahasa Melayu dengan dapatan hanya 69.7% (n=239). Perkara ini mendapati bahawa

murid ada menghubungi rakan-rakan mereka serta sebilangannya berhubung bersama ahli keluarga untuk memahami atau mempelajari Bahasa Melayu selepas waktu persekolahan.

Secara keseluruhan, dapatan ini membuktikan bahawa murid sekolah rendah mempunyai potensi dan kecenderungan tinggi untuk mengamalkan pembelajaran sendiri, menjadi kreatif serta mengamalkan budaya kolaboratif seperti yang ditekankan dalam pendekatan heutagogi dan PAK-21 meskipun masih terdapat ruang untuk memperkukuh aspek kolaborasi secara lebih aktif di luar bilik darjah.

Tahap Efikasi Kendiri Murid Sekolah Rendah Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Secara Kendiri

Jadual 1.3 memaparkan analisis dapatan bagi lima soal selidik berkaitan tahap efikasi murid sekolah rendah dalam mempelajari Bahasa Melayu secara sendiri.

Jadual 1.3 Tahap Efikasi Kendiri Dalam Belajar Bahasa Melayu Secara Kendiri

Bil	Item	Ya (Peratus%)	Tidak (Peratus%)	Min	Interpretasi
1	Saya rasa saya boleh belajar Bahasa Melayu sendiri walaupun tiada bimbingan guru	49.7 177	50.3 175	0.50	Sederhana
2	Saya percaya saya boleh faham tentang subjek Bahasa Melayu jika saya belajar sendiri.	66.2 233	33.8 119	0.66	Sederhana
3	Saya tidak cepat putus asa jika saya susah faham pelajaran Bahasa Melayu	92 324	8 28	0.92	Tinggi
4	Saya yakin saya untuk tentukan sendiri cara saya belajar sendiri Bahasa Melayu.	93.8 330	6 22	0.94	Tinggi
5	Saya percaya saya boleh meningkatkan keputusan Bahasa Melayu jika saya belajar secara sendiri	75.6 266	24.4 86	0.76	Tinggi

Analisis deskriptif terhadap tahap efikasi murid sekolah rendah dalam pembelajaran Bahasa Melayu secara sendiri menunjukkan pola yang pelbagai, bermula daripada tahap sederhana hingga tinggi. Hanya 49.7% (n=177) murid yakin untuk belajar Bahasa Melayu tanpa bimbingan guru, manakala selebihnya masih lagi memerlukan bimbingan guru untuk belajar Bahasa Melayu. Namun, 66.2% (n=233) murid percaya bahawa mereka boleh memahami subjek Bahasa Melayu sekiranya belajar secara sendiri. Seterusnya, tahap kecekalan dan autonomi murid adalah sangat tinggi apabila 92% (n=324) murid tidak mudah berputus asa sekiranya menghadapi kesukaran untuk memahami pelajaran Bahasa Melayu dan sejumlah 93.8% (n=330) murid yakin dapat menentukan sendiri kaedah pembelajaran yang bersesuaian dengan diri untuk belajar Bahasa Melayu secara sendiri. 75.6% (n=266) murid juga percaya bahawa pencapaian Bahasa Melayu dapat dipertingkatkan sekiranya mengamalkan pembelajaran secara sendiri. Dapatan membuktikan bahawa meskipun sebahagian murid masih lagi memerlukan bimbingan guru dalam melaksanakan pembelajaran sendiri, namun kebanyakan murid telah memiliki tahap kecekalan, mempunyai autonomi serta kepercayaan yang tinggi terhadap keberkesanan pembelajaran sendiri kepada diri dalam subjek Bahasa Melayu.

Perbincangan

Tahap Pelaksanaan Pembelajaran Kendiri Murid Sekolah dalam subjek Bahasa Melayu menggunakan pendekatan Heutagogi

Kajian mendapati bahawa tahap pelaksanaan heutagogi dalam kalangan murid sekolah rendah adalah tinggi. Sejumlah 82.4% responden memberikan respons yang sangat positif terhadap pelbagai elemen pembelajaran kendiri yang terkandung dalam model heutagogi seperti meneroka, mencipta, berkongsi, refleksi, dan berkolaborasi. Murid sekolah rendah dilihat berupaya untuk mencari maklumat sendiri serta membaca bahan tambahan bagi meneroka maklumat tambahan dalam subjek Bahasa Melayu. Dapatan ini turut menolak kajian yang dilakukan oleh Firdaus Nur Aflah (2023) yang menyatakan pendekatan heutagogi tidak sesuai diamalkan oleh murid menengah rendah berikutan pengaruhnya yang sangat lemah terhadap kognitif pelajar. Kajian ini juga membuktikan bahawa wujudnya inisiatif dan motivasi dalam diri murid untuk meneroka pengetahuan secara kendiri dan selari dengan prinsip heutagogy, iaitu penekanan autonomi murid dalam proses pembelajaran (Blaschke, 2012). Selain itu, murid juga berkebolehan dalam mencipta kaedah pembelajaran sendiri di samping dapat menunjukkan tahap kreativiti yang tinggi. Hal ini selari dengan dapatan Julfatu Jahra (2022) yang menyatakan bahawa pembelajaran bebas dan terbuka dapat meningkatkan kreativiti murid sekolah rendah.

Namun, kajian mendapati aktiviti berkolaborasi bersama rakan-rakan selepas waktu persekolahan masih rendah meskipun budaya membantu rakan-rakan di dalam bilik darjah adalah sangat tinggi. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian terdahulu yang menyatakan bahawa pelaksanaan heutagogi memerlukan sokongan ekosistem pembelajaran yang kondusif, termasuklah peluang untuk berkolaborasi dengan lebih luas di luar bilik darjah bagi memperkukuh kemahiran sosial serta menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat (Blaschke, 2012; Hailtik et al., 2024).

Murid sekolah rendah juga dilihat sudah mampu untuk menilai dan mengenal pasti kesilapan sendiri, sekali gus membuktikan bahawa pendekatan heutagogi berupaya untuk membina kemahiran metakognitif murid. Kenyataan ini disokong oleh dapatan Subiyantoro et al. (2024) yang menyatakan bahawa pendekatan heutagogi dapat membina kemahiran metakognitif dan keyakinan kendiri murid. Kemahiran metakognitif menjadikan murid sebagai pelajar yang bersifat reflektif dan berdikari, berupaya mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam pembelajaran serta membuat penyesuaian yang diperlukan untuk meningkatkan hasil pembelajaran (Hamzah, 2023).

Penggunaan teknologi juga dimanfaatkan sebaiknya serta digunakan secara meluas oleh murid sekolah rendah untuk berhubung dengan tujuan pembelajaran Bahasa Melayu. Pengintegrasian teknologi berupaya untuk memperkukuh pembelajaran kendiri dalam kalangan murid sekolah rendah. Kenyataan ini turut disokong oleh Zou Y et al. (2025) yang menyatakan bahawa penggunaan teknologi pendidikan dapat memperkukuh pembelajaran kendiri dan menambah baik pencapaian akademik jika disokong dengan infrastruktur dan pedagogi yang sesuai. Selain itu, penggunaan teknologi dalam perhubungan turut menunjukkan bahawa murid-murid sekolah rendah kini lebih celik digital. Keputusan yang positif juga dapat dilihat daripada kajian Abdullh A. Halim & Noor Dayana (2024) yang mendapati bahawa murid memberikan impak yang positif melalui pembelajaran secara heutagogi melalui aplikasi Telegram. Keupayaan murid kini dalam bidang teknologi mencerminkan bahawa murid telah bersedia

dalam literasi digital dan memenuhi aspirasi pendidikan abad ke-21. Zou Y et al. (2025) turut mendapati dalam kajiannya bahawa integrasi teknologi bukan sahaja meningkatkan motivasi dan penglibatan murid, malah membolehkan murid membina kemahiran literasi digital yang kritikal untuk pembelajaran abad ke-21.

Namun demikian, pelibatan ibu bapa dan ahli keluarga dalam menyokong pembelajaran sendiri murid-murid di rumah mahupun di luar waktu persekolahan perlu dilihat semula. Dapatan kajian memberi satu maklum balas bahawa perlunya satu pengukuhan dari segi peranan ibu bapa dalam menjadi satu faktor utama dalam ekosistem pembelajaran sendiri Bahasa Melayu di rumah. Siti Suraya Lin et al. (2023) menjelaskan bahawa pelibatan ibu bapa secara aktif dalam pendidikan anak-anak memberi impak positif terhadap motivasi, disiplin, dan pencapaian murid termasuk dalam pembelajaran sendiri. Justeru itu, satu intervensi antara pihak sekolah dan pihak ibu bapa melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) boleh difikirkan bagi memastikan pembelajaran sendiri sentiasa berlaku meskipun di luar bilik darjah.

Tahap Efikasi Kendiri Murid Sekolah Rendah Terhadap Pembelajaran Kendiri Bahasa Melayu Menggunakan Pendekatan Heutagogi

Kajian mendapati bahawa tahap efikasi murid sekolah rendah terhadap pembelajaran sendiri Bahasa Melayu menggunakan pendekatan heutagogi berada pada tahap sederhana hingga tinggi. Sebahagian daripada murid masih lagi memerlukan guru dalam membantu murid mempelajari Bahasa Melayu. Kenyataan ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Ismail et al. (2021) yang mendapati bahawa murid sekolah rendah belum mencapai tahap kematangan metakognitif dan efikasi sendiri yang membolehkan mereka belajar sepenuhnya secara berdikari, dan peranan guru sebagai fasilitator, pembimbing, serta penyedia struktur pembelajaran adalah sangat penting dalam fasa perkembangan ini. Resti & Rachmijati (2022) turut menjelaskan bahawa meskipun pendekatan heutagogi dapat meningkatkan motivasi dan keyakinan murid, sokongan daripada guru masih lagi diperlukan untuk membantu murid mengatasi kekeliruan, mengurus masa dan membina strategi pembelajaran sendiri yang berkesan.

Namun begitu, murid sekolah rendah kini tampak mempunyai tahap kecekalan dan autonomi yang tinggi apabila kajian menunjukkan bahawa murid sekolah rendah kini mempunyai tahap keyakinan yang tinggi dan murid juga percaya bahawa akan berlaku peningkatan dalam penguasaan Bahasa Melayu sekiranya pembelajaran sendiri diamalkan. Dapatan kajian ini turut disokong dengan kajian-kajian lain yang menegaskan bahawa efikasi sendiri memainkan peranan penting dalam membentuk motivasi, ketekunan dan pencapaian akademik murid sekolah rendah. Oktariantio (2024) dalam kajiannya mendapati bahawa efikasi sendiri yang tinggi berhubung kait dengan pencapaian akademik yang lebih baik, pelibatan aktif murid dalam sesi pembelajaran serta mempengaruhi daya tahan murid sewaktu menghadapi cabaran dalam pembelajaran. Fitriah dan Indrakurniawan (2025) juga menunjukkan bahawa efikasi sendiri memberi kesan yang signifikan dan positif terhadap motivasi belajar murid sekolah rendah, yang mana murid yang yakin dengan kebolehan sendiri lebih gigih, melibatkan diri dengan aktif serta tampil berkeyakinan dalam aktiviti pembelajaran. Kajian Lee et al. (2024) pula menunjukkan bahawa efikasi sendiri yang tinggi dalam kalangan murid sekolah rendah boleh mendorong mereka untuk menggunakan teknologi dengan lebih aktif dalam pembelajaran sendiri di samping dapat meningkatkan literasi digital sekali gus menyesuaikan diri mereka dengan cabaran pendidikan abad ke-21. Justeru itu, selari dengan prinsip heutagogi

yang memerlukan murid memberi penekanan kepada autonomi murid serta keupayaan murid untuk mengakses pelbagai sumber ilmu secara fleksibel dan kreatif. Justeru itu, efikasi sendiri yang tinggi dalam kalangan murid sekolah rendah bukan sahaja memperkukuh motivasi dan keyakinan murid untuk belajar secara sendiri, malah membolehkan murid mengaplikasikan prinsip heutagogi secara menyeluruh iaitu menjadi pelajar sepanjang hayat yang reflektif, kreatif serta mampu menyesuaikan diri dengan perubahan dunia pendidikan yang bersifat dinamik.

Ringkasnya, dapatan kajian dapat difahami dengan Rajah 2 di bawah



Rajah 2 : Tahap Pelaksanaan Heutagogi Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, tahap pelaksanaan heutagogi dalam kalangan murid sekolah rendah terutamanya subjek Bahasa Melayu berada pada tahap yang tinggi dan perkara ini membuktikan bahawa pendekatan heutagogi boleh dilaksanakan seawal murid sekolah rendah lagi. Namun demikian, ada dalam kalangan murid sekolah rendah masih memerlukan bimbingan guru terutamanya dalam aspek membina keyakinan asas serta mengukuhkan kemahiran pembelajaran sendiri mereka. Keberkesanan pembelajaran secara sendiri melalui pendekatan heutagogi pada peringkat sekolah rendah sangat bergantung kepada sokongan berterusan daripada guru, keluarga serta persekitaran pembelajaran yang fleksibel serta mampu menggalakkan murid untuk belajar secara sendiri.

Sehubungan dengan itu, beberapa cadangan masa hadapan perlu diberi perhatian bagi memperkukuh serta memperkasa pendekatan heutagogi di sekolah rendah. Guru perlu diberikan latihan profesional secara berterusan bagi mengoptimumkan peranan guru sebagai fasilitator dalam pembelajaran sendiri seorang murid. Sekolah dan pemegang taruh yang berkaitan perlu meningkatkan infrastruktur digital serta memperkaya program literasi digital kepada semua warga sekolah dan ibu bapa bagi memastikan murid mendapat akses dan meneroka sumber berintegrasikan teknologi dengan optimum. Selain itu, kurikulum perlu direka bentuk dan digubal ke arah lebih fleksibel supaya dapat memberi ruang kepada murid untuk memilih topik, kaedah serta bentuk penilaian yang sesuai dengan diri dan keupayaan mereka. Guru juga perlu sentiasa memberi sokongan berperingkat kepada murid yang kurang bersedia untuk melakukan pembelajaran sendiri dan budaya kolaborasi seperti mewujudkan komuniti pembelajaran digital dalam kalangan murid-murid agar proses perkongsian terus berlaku meskipun di luar sesi persekolahan. Akhir sekali, kajian lanjutan boleh dijalankan bagi melihat impak, cabaran serta keberkesanan pelaksanaan heutagogi ini dalam kalangan murid sekolah rendah. Diharapkan pendekatan heutagogi sebagai salah satu pendekatan kontemporari ini dapat diperkukuh dan disesuaikan dengan keperluan sekolah rendah sekali gus dapat membentuk satu generasi pelajar yang belajar sepanjang hayat yang reflektif, berdikari dan mampu beradaptasi dengan cabaran dunia masa hadapan.

Kajian ini turut menyumbang kepada literatur akademik dengan memperluas pemahaman terhadap pelaksanaan pendekatan heutagogi dalam kalangan murid sekolah rendah, khususnya dalam konteks pembelajaran Bahasa Melayu yang masih kurang diterokai oleh penyelidik terdahulu. Secara teorinya, kajian ini memperkukuh asas pedagogi kontemporari dengan menunjukkan bahawa elemen-elemen heutagogi seperti penerokaan, penciptaan, refleksi dan perhubungan digital boleh diaplikasikan secara efektif bermula peringkat awal pendidikan.

Dari segi amalan dalam dunia pendidikan, dapatan kajian menyediakan panduan praktikal kepada guru dan pembuat dasar dalam merancang strategi pengajaran berasaskan pembelajaran sendiri yang lebih fleksibel dan responsif terhadap keperluan murid generasi Alfah. Dalam konteks dasar negara, kajian ini menyokong aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 dan Dasar Pendidikan Kebangsaan dengan memberikan bukti empirikal terhadap keberkesanan pendekatan heutagogi dalam membentuk murid yang berdaya saing, celik teknologi, reflektif dan bersedia menghadapi cabaran pendidikan abad ke-21 serta keperluan Revolusi Industri 4.0.

Penghargaan

Penghargaan kepada Bahagian Tajaan Pendidikan (BTP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM.BT.700-35/23/15(6))

Rujukan

- Abdullah Abdul Halim, & Noor Dayana Abd Halim. (2024). Effects of online heutagogy approach in learning science via Telegram towards pupils' science process skills and creative thinking skills. *LUMAT: International Journal on Math, Science and Technology Education*, 12(4), Article 2327.
- Abdullah Kamal, S. S. L., Masnan, A. H., & Hashim, N. H. (2023). A systematic literature review on levels and effects of parental involvement in children's learning. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, 12(3), 1253–1261

- Abdul Halim, N. 'A., & Hashim, S. (2023). Implimentasi pendekatan pembelajaran sendiri dalam proses pembelajaran dan pengajaran: Tinjauan literatur sistematik. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(4), 43–62
- Aflah, F. N. (2023). Pengaruh pendekatan heutagogi terhadap kompetensi siswa kelas IX SMP Muhammadiyah 2 Purwokerto. In *Proceedings of Program Studi Pendidikan Agama Islam Fakultas Agama Islam Universitas Muhammadiyah Purwokerto* (Vol. 9).
- Amini, M., Ravindran, L., & Lee, K.-F. (2024). Adapting Education Shifts in Malaysia After COVID-19: A Comprehensive Review of Flexible Assessments, Lifelong Learning Initiatives, and Diversified Learning Trajectories. *Asian Journal of Assessment in Teaching and Learning*, 14(1), 1–14
- Bahagian Pendididkan Kurikulum. (2017). Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) kerangka kurikulum mata pelajaran. Kementerian Pendidikan Malaysia
- Blaschke, L. M., & Hase, S. (2016). Heutagogy: A holistic framework for creating twenty-first-century self-determined learners. In *The Future of Ubiquitous Learning* (pp. 25-40). Springer
- Blaschke, L. M. (2012). Heutagogy and lifelong learning: A review of heutagogical practice and self-determined learning. *International Review of Research in Open and Distributed Learning*, 13(1), 57–68.
- Chan, C., Embi, M., & Hashim, H. (2019). Primary school teachers' readiness towards heutagogy and peeragogy. *Asian Education Studies*, 4(1), 11. <https://doi.org/10.20849/aes.v4i1.602>
- Daniel, E. (2016). The usefulness of qualitative and quantitative approaches and methods in researching problem-solving ability in science education curriculum. *Journal of Education and Practice*, 7(15), 91–99
- Ismail, M. H., Hassan, R., & Ahmad, A. (2021). Self-directed learning readiness among primary school students: The role of teachers' guidance. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 10(2), 134–146.
- Fitriah, L., & Indrakurniawan, I. (2025). The Effect of Self-Efficacy on Learning Motivation in Elementary School Students. *Pedagogia: Jurnal Pendidikan*, 13(1), 1-8.
- Hamdan, A., Wong, K.-T., Mat Salleh, N. S., & Hanafi, H. F. (2021). The acceptance of M-heutagogical practice in higher education: A systematic literature review. *International Journal of Emerging Technologies in Learning (iJET)*, 16(22), 87–98
- Hamzah, H. H., Hamzah, M. I., & Zulkifli, H. (2023). Self-regulated learning theory in metacognitive-based teaching and learning of high-order thinking skills (HOTS). *TEM Journal*, 12(4), 2530–2540. <https://doi.org/10.18421/TEM124-65>
- Hailitik, H. J., & Kuswandi, D. (2024). Heutagogy: Implementation in civil employee competency development activities. *Journal of Research in Instructional*, 4(1), 222–237.
- Hase, S., & Kenyon, C. (2000). From andragogy to heutagogy. *Ulti -BASE In- Site*
- Jahra, J. (2022). Making collage work in learning of elementary school: A study of student creativity. *Journal of Innovation and Research in Primary Education*, 1(2), 40–44
- Kamal, N. M. M., Hussin, Z., & Sulaiman, A. M. (2022). Pemahaman guru terhadap pendekatan heutagogi dalam pengajaran dan pembelajaran: Kajian Kes dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (46), 694-706
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya

- Lee, Y. S., Tan, C. T., & Smith, J. (2024). Digital Self-Efficacy and Learning Autonomy among Primary School Students. *Frontiers in Education*, 9, 1562391.
- Memon, M. A., Ting, H., Cheah, J.-H., Thurasamy, R., Chuah, F., & Cham, T. H. (2020). Sample size for survey research: Review and recommendations. *Journal of Applied Structural Equation Modeling*, 4(2), i–xx
- Moore, R. L. (2020). Developing lifelong learning with heutagogy: contexts, critiques and challenges. *Distance Education*, 41(3), 381-401
- Ng, H. Y., Surat, S., & Rahman, S. (2023). Pengaruh ketagihan internet: perubahan tingkah laku murid sekolah rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002340. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2340>
- Mujiyati, E. (2025). Relevansi konsep tri pusat pendidikan dalam membentuk karakter generasi alpha. *Jurnal Multidisiplin West Science*, 4(04), 412-423. <https://doi.org/10.58812/jmws.v4i04.2134>
- Mustafa Kamal, N. M., Hussin, Z., Sulaiman, A. M., & Abd Latib, N. N. (2021). Pendekatan heutagogi dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) menggunakan m-pembelajaran [Application of heutagogy in home-based learning using m-learning]. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)*, 7, 44–61
- Oktarianto, O. (2024). Self-Efficacy and Academic Achievement among Elementary School Students. *International Journal of Educational Research Review*, 9(1), 45-56.
- Preece, A. S. & Hamed, P. K. (2020). Andra-heutagogy: A new Approach for teacher training. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(1), 98-105
- Resti, R., & Rachmijati, C. (2022). Students' Perception on Learning Heutagogy in the English for Young Learner. *International Journal of Language Education and Cultural Review*, 8(1), 1–10.
- Ramas, S., Yasin, R., & Adnan, N. (2023). Investigation on heutagogy approach in education system: a systematic review. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 12(2). <https://doi.org/10.6007/ijarped/v12-i2/17384>
- Subiyantoro, S., Putra, H. K., Ismail, I., Mahendra, M., & Montle, E. (2024). Heutagogical approaches in the Merdeka Curriculum: Enhancing autonomous student engagement. *Cognitive Development Journal*, 2(1), 32–39.
- Siti Rahaimah Ali., Zaini, S. H., Ahmad, H., & Mukhtar, F. (2019). E-Numeracy: Mobile application of the numeracy understanding model for primary school. *International Journal of Interactive Mobile Technologies*, 13(11), 236–244.
- Yasir, M. and Susilawati, S. (2021). Pendidikan karakter pada generasi alpha: tanggung jawab, disiplin dan kerja keras. *Jurnal PkM Pengabdian Kepada Masyarakat*, 4(3), 309. <https://doi.org/10.30998/jurnalpkm.v4i3.10116>
- Wong, K. T., Mohd Azlie Yeop & Mazura@Mastura Muhammad (2019). Modelling the factor influencing the implementation of mobile-heutagogical practises among teachers: An application of invariance multi-group structural model. *International Journal of Learning Teaching and Educational Research*.
- Ziatdinov, Rushan & Cilliers, Juanee. (2022). Generation Alpha: Understanding the Next Cohort of University Students.
- Zou, Y., Kuek, F., Feng, W., & Cheng, X. (2025). Digital learning in the 21st century: Trends, challenges, and innovations in technology integration. *Frontiers in Education*, 10, Article 1562391

